



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**17 Mac 2024
06 Ramadan 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Ikan bandaraya berpotensi jadi sumber pendapatan
Harian Metro	•
Kosmo	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Awani	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	9	17-3-2024

Ikan bandaraya berpotensi jadi sumber pendapatan

BH, M59, 1247

Jabatan Perikanan digesa kaji secara menyeluruh bagi hasilkan produk pulangan ekonomi

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Usaha menerokai potensi ikan tombot atau bandaraya sebagai sumber ekonomi perlu dipergiat, selari dengan pelbagai penemuan tempatan yang menunjukkan spesies ikan pendarang itu mempunyai nilai pasaran tinggi untuk dikomersialkan.

Presiden Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya, Mohd Nur Badri Mat Sidik, berkata Jabatan Perikanan digesa melihat secara menyeluruh kegunaan ikan bandaraya memandangkan ia boleh diproses untuk menghasilkan pelbagai produk.

"Usaha memburu untuk menghapuskan ikan bandaraya ini perlu berjalan seiring dengan melihat kepada tarikan ekonomi yang ada padanya. Sebenarnya ada banyak bahagian ikan ini daripada kulit, isi hingga telurnya yang boleh memberikan pulangan ekonomi."

"Sebagai contoh, pengasas Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya, Mohamad Haziq A Rahman, pada 2022, yang mula-mula bereksperimen dengan menggunakan telur ikan itu sebagai umpan memancing."

"Ternyata telurnya boleh dijadikan umpan memancing hingga kini dicari ramai pemancing dari seluruh negara," katanya kepada BH.

Mohd Nur Badri yang juga berpengaruh media sosial, berkata harga telur ikan bandaraya mencecah RM40 hingga RM60 sekilogram, bergantung kepa-

da saiznya dengan pendapatan hasil jualan mampu mencapai RM2,000 seminggu.

Beliau berkata, sejak itu juga, semakin ramai pemancing dan nelayan darat yang mula turun ke sungai untuk memburu ikan bandaraya bagi tujuan meraih pendapatan sampingan daripada jualan telur ikan terbabit.

"Setakat ini, kami ada lebih 2,900 ahli. Jadi, selain mengadakan misi berkala bagi mengeluarkan lebih banyak ikan bandaraya dari sungai, mereka juga boleh menjana pendapatan tambahan."

"Kami secara kecil-kecilan turut merasa isi ikan bandaraya. Ternyata, isinya sangat sedap dan ramai yang menyukainya. Malah, ada di antara ahli yang berniaga dengan menjadikan isi ikan bandaraya sebagai kepingan daging dalam hidangan burger, selain sesuai dimasak sebagai lauk," katanya.

Nilai kandungan merkuri

Selain itu, katanya, usaha Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya terutama bagi mengomersialkan ikan itu turut mendapat perhatian dalam kalangan universiti tempatan dan swasta.

Jelasnya, ada universiti awam mengambil sampel ikan bandaraya untuk penilaian kandungan merkuri untuk menentukan tahap keselamatannya sama ada selamat untuk dimakan.

"Hasil kajian sebuah universiti awam pada 2022 menunjukkan kandungan merkuri ikan bandaraya lebih rendah berbanding ikan yang biasa kita makan seperti gelama, selar kuning dan siakap. Kadarnya kurang daripada 0.5 yang membuktikan ia selamat untuk dimakan," katanya.

Selain itu, beliau berkata, Universiti Selangor (UNISEL) membuat kajian mengenai penghasilan makanan ikan daripada ikan bandaraya.

Katanya, Universiti Teknologi MARA juga menyelidik penghasilan makanan (daripada isi ikan bandaraya) untuk haiwan peli-

haraan seperti kucing dan anjing.

Mohd Nur Badri berkata, Jabatan Perikanan disaran mewujudkan akta khusus atau lesen untuk memternak ikan bandaraya mengambil kira pulangan ekologi dan permintaan menggalakkan dari pelbagai industri.

"Melalui lesen khas memternak ikan bandaraya yang disertai syarat tertentu, misalnya memastikan kolam ternakan tidak bersambung dengan sungai, ini berpotensi memberi nilai ekonomi yang baik untuk negara, selain menggalakkan rakyat untuk membuka bidang keusahawanan."

"Jabatan Perikanan misalnya dapat mengurangkan kos memburu ikan bandaraya, memandangkan ramai yang akan berlumba-lumba menjala untuk mengeluarkan ikan itu di sungai bagi meraih pendapatan sampingan," katanya.

Ikan bandaraya ancaman kritikal ekosistem sungai negara



Keratan akhbar BH, semalam.



Mohd Nur Badri menunjukkan telur ikan bandaraya yang sedia untuk dijual sebagai umpan pancing.



Hasil ikan bandaraya yang diproses menjadi produk makanan ikan.



Ahli Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya giat menjala ikan bandaraya sekitar sungai di Lembah Klang. (Foto ihsan FB Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya)



496 ikan bandaraya berjaya diperolehi pada misi memburu ikan bandaraya di Sungai Langat, UKM Bangi.